

سَأَحَدْتُكَ عَنْ أَشْرَاطِهَا إِذَا وَلَدَتِ الْأُمَّةُ رَبَّهَا فَذَلِكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا وَإِذَا كَانَتِ الْعُرَاءُ الْحَفَاءُ رُؤُوسَ النَّاسِ فَذَلِكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا وَإِذَا تَطَاوَلَ رِغَاءُ الْبَنِيَانِ فَذَلِكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا فِي حَمْسٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ثُمَّ تَلَا -صلى الله عليه وسلم- (إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَآذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ غَلِيمٌ خَبِيرٌ) قَالَ ثُمَّ أَذْبَرَ الرَّجُلُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- رُدُّوا عَلَيَّ الرَّجُلَ فَأَخَذُوا لِيَرُدُّوهُ فَلَمْ يَرَوْا شَيْئًا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- هَذَا جِبْرِيلُ جَاءَ لِيُعَلِّمَ النَّاسَ دِينَهُمْ

2- Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, kata beliau: “Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. sedang duduk bersama orang ramai. Lalu datang kepadanya seorang lelaki. Dia lantas bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah itu iman?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Iman ialah: percaya kepada Allah, percaya kepada para malaikatnya, percaya kepada kitabNya, percaya akan menemuiNya,³⁰ percaya kepada para rasulNya, dan percaya kepada hari kebangkitan di akhirat.” Orang itu bertanya lagi: “Wahai Rasulullah! Apakah itu Islam?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Islam ialah: menyembah Allah dan tidak menyengutukannya dengan sesuatu,³¹ mendirikan sembahyang fardhu,³² membayar zakat yang wajib, berpuasa di bulan Ramadhan.” Orang itu kembali bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah itu Ihsan?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatnya. Jika engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia sentiasa melihatmu”. Orang itu terus bertanya: “Wahai Rasulullah, bilakah hari kiamat itu akan terjadi?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Orang yang ditanya tidak lebih tahu daripada orang yang bertanya. Tetapi akan kuterangkan kepadamu tanda-tandanya:³³ apabila

³⁰ Yang dimaksudkan dengan pertemuan ini ialah pertemuan sesudah kebangkitan kembali di akhirat nanti, ada yang mengatakan ia adalah pertemuan pada waktu hisab nanti, tapi ia bukanlah pertemuan dengan Allah s.w.t. dalam ertikata melihatNya, kerana perkara itu hanya khusus untuk orang-orang yang beriman sahaja, tidak ada sesiapa yang boleh menjamin dia bakal melihatNya, kerana tidak adak sesiapa yang tahu bagaimanakah kesudahannya.

³¹ Rasulullah s.a.w. menambahkan ‘dan tidak menyengutukanNya dengan sesuatu’ kerana orang-orang musyrikin itu mereka menyembah Allah dari satu segi, tapi mereka juga menyembah bersamaNya berhala-berhala dengan dakwaan ia adalah sekutu-sekutu Allah, lalu Baginda telah menolak perbuatan ini.

³² Ada dua pendapat berkenaan ‘mendirikan sembahyang’:

1. Melakukannya dengan berterusan dan menjaganya.
2. Melakukannya dengan cara yang seelok-eloknya.

³³ Di sini kelihatan bercanggah dengan riwayat sebelum ini. Dalam riwayat sebelum ini, Jibril yang bertanya Rasulullah s.a.w. tentang tanda-tanda kiamat itu, tapi di sini kelihatan Rasulullah

hamba sahaya perempuan melahirkan tuannya, itu adalah salah satu tandanya, apabila orang yang bertelanjang dan berkaki ayam menjadi pemimpin,³⁴ itu juga termasuk tanda-tandanya, apabila gembala ternakan berlumba-lumba meninggikan bangunan, itu pun termasuk tanda-tandanya. Ada lima perkara yang tidak diketahui kecuali oleh Allah.”³⁵ Kemudian Rasulullah s.a.w membaca:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ

بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah, Dia sajalah yang mengetahui tentang hari Kiamat, Dialah yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui apa yang ada di dalam rahim. Tiada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok, dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal. (Luqman:34). Kemudian orang itu berlalu. Maka berkatalah Rasulullah s.a.w: “ Panggillah orang itu kembali!”³⁶ Para sahabat berusaha mencari orang itu untuk memanggilnya kembali, tetapi mereka tidak melihatnya lagi. Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w: “Itulah Jibril. Dia datang untuk mengajarkan agama kepada manusia.”³⁷

s.a.w. yang memberitahunya tanda-tanda kiamat tersebut tanpa ditanya olehnya, cara untuk menyesuaikan kedua riwayat ini ialah dengan mengatakan ada soalan yang hakikatnya diajukan oleh Jibril itu di sini. Riwayat yang sebelum ini menyebutkan soalan Jibril dan jawapan Rasulullah sekali, manakala riwayat ini hanya menyebutkan jawapan Rasulullah sahaja, untuk sebuah soalan yang hakikatnya ada.

³⁴ Ertinya ialah orang-orang yang miskin dan papa kedana menjadi pemimpin. Menjadi pemimpin itu tidak bercanggah dengan membina bangunan yang tinggi-tinggi, kerana perbuatan membina bangunan yang tinggi-tinggi itu menunjukkan mereka itu ialah para penguasa.

³⁵ Maknanya tidak ada sesiapa yang boleh berusaha untuk mengetahui perkara-perkara tersebut, manusia tidak perlu tahu tentangnya, atau pengetahuan tentang perkara itu tidak berguna kepada mereka.

³⁶ Baginda menyuruh sahabat-sahabatnya supaya memanggil orang itu kembali untuk membuktikan bahawa orang itu bukanlah seorang manusia, tapi malaikat Jibril.

³⁷ Untuk mengajar para sahabat dengan cara mengajukan soalan-soalan kepada Rasulullah s.a.w. dan Baginda menjawabnya, kerana para sahabatnya tidak bertanya Baginda tentang perkara itu, dan telah sampai masanya untuk mereka tahu.

٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَلُونِي فَمَهَاوَهُ أَنْ يَسْأَلُوهُ فَجَاءَ رَجُلٌ فَجَلَسَ عِنْدَ رُكْبَتَيْهِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِسْلَامُ قَالَ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِيمَانُ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتَابِهِ وَلِقَائِهِ وَتُؤْمِنَ بِرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ كُلِّهِ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَخْشَى اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنَّكَ إِنْ لَا تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ صَدَقْتَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى تَقُومُ السَّاعَةُ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ وَسَأُحَدِّثُكَ عَنْ أَشْرَاطِهَا إِذَا رَأَيْتِ الْمَرْأَةَ تِلْدُ رَثَّهَا فَذَاكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا وَإِذَا رَأَيْتِ الْحَفَاةَ الْعُرَاةَ الصُّمَّ الْبُكْمَ مُلُوكَ الْأَرْضِ فَذَاكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا وَإِذَا رَأَيْتِ رِعَاءَ الْبَهْمِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ فَذَاكَ مِنْ أَشْرَاطِهَا فِي خَمْسٍ مِنَ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ثُمَّ قَرَأَ (إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مِمَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ) قَالَ ثُمَّ قَامَ الرَّجُلُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رُدُّوهُ عَلَيَّ فَالتَّمِسَ فَلَمْ يَجِدُوهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا جَبْرِيلُ أَرَادَ أَنْ تَعْلَمُوا إِذْ لَمْ تَسْأَلُوا

3- Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah saw pernah bersabda: “bertanyalah kalian kepadaku!”³⁸ Para sahabat enggan bertanya.³⁹ Lalu datanglah seorang lelaki, lalu ia duduk dekat kedua lutut Baginda dan bertanya: “wahai Rasulullah, apakah itu islam?” Rasulullah s.a.w. menjawab: “Engkau tidak menyekutukan Allah dengan apa pun, mendirikan sembahyang, memberikan zakat dan berpuasa di bulan Ramadan.” Orang itu berkata: “benar sekali kata engkau,” dia bertanya lagi, “wahai Rasulullah, apakah itu iman?” Rasulullah s.a.w. menjawab: “engkau beriman kepada Allah, para malaikatNya, kitabNya, bertemu denganNya, para utusanNya dan beriman dengan dengan hari kebangkitan serta beriman kepada taqdir seluruhnya.” Orang itu berkata lagi: “Engkau memang benar,” dia bertanya lagi: “wahai Rasulullah, apakah itu ihsan? Rasulullah saw bersabda: “engkau takut kepada Allah seolah-olah engkau melihatNya, jika engkau tidak boleh melihatNya sekalipun, ketahuilah bahawa Dia selalu melihatmu.” Orang itu berkata: “engkau benar,” dia bertanya lagi: “wahai Rasulullah, bilakah Hari Kiamat akan

³⁸ Apa saja yang kalian ingin tahu berkenaan agama kalian.

³⁹ Kerana mereka takut soalan mereka akan membuatkan Rasulullah marah lalu akan membuatkan Allah murka kepada mereka, kerana pernah berlaku suatu peristiwa di mana orang ramai banyak bertanya soalan-soalan yang mengada-ngada kepada Baginda sehingga beliau naik marah dengan perbuatan mereka, lalu para sahabat masih berasa teragak-agak untuk bertanya kerana takut perkara yang sama berulang sekali lagi.

terjadi?” Rasulullah s.a.w. bersabda : “Tidaklah orang yang ditanya tentang persoalan itu lebih tahu daripada orang yang bertanya. Tetapi akan kuberitahukan kepadamu tanda-tandanya: apabila engkau melihat perempuan melahirkan tuannya, itu merupakan sabahagian dari tanda-tandanya, apabila engkau melihat orang yang berkaki ayam, telanjang, tuli dan bisu⁴⁰ menjadi raja di bumi, itu juga di antara tanda-tandanya, apabila engkau melihat gembala-gembala ternakan saling berlumba-lumba meninggikan bangunan, itu juga di antara tanda-tandanya. Ada lima perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah,” Kemudian Rasulullah saw membaca surah Luqman ayat 34 yang bermaksud: “Sesungguhnya hanya Allah sajalah yang mengetahui tentang Hari Kiamat, Dialah yang menurunkan hujan serta mengetahui apa yang ada di dalam Rahim. Tidak ada seorang pun dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya esok. Tiada seorang pun dapat mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha mengenal.” Kata perawi, selepas itu orang itu bangun lalu pergi. Rasulullah s.a.w. pun berkata kepada sahabat-sahabatnya, “carilah orang itu, bawakanlah dia kembali kepadaku,” Orang itu pun dicari-cari oleh para sahabatnya, tetapi mereka tidak dapat menemuinya. Maka Rasulullah s.a.w. pun berkata: “orang tadi ialah Jibril. Dia mahu kalian belajar, kerana kalian tidak bertanya tadi.”

٢- باب بيان الصَّلَاةِ الَّتِي هِيَ أَحَدُ أَرْكَانِ الْإِسْلَامِ

2. Bab: Menerangkan Tentang Shalat-Shalat Yang Merupakan Salah Satu Rukun Islam

٤- عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدٍ اللَّهِ يَقُولُ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ بَجْدٍ ثَائِرِ الرَّأْسِ تَسْمَعُ دَوِيَّ صَوْتِهِ وَلَا تَفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّى دَنَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُنَّ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعٌ وَصِيَامُ شَهْرِ رَمَضَانَ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ

⁴⁰ Ertinya ialah orang-orang yang miskin, jahil lagi bodoh.